

VIII

B B479 AAB
PARLIMEN - SERU R R'R'R'

KUALA LUMPUR, 28 OKT (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD, HARI INI MENYERU RAKYAT DAN SEMUA PIHAK SUPAYA MEMBERI KERJASAMA PENUH KEPADA KERAJAAN DALAM USAHA-USAHA UNTUK MENJAMINKAN PERPADUAN DAN PERSEFAHAMAN DALAM NEGARA.

BELIAU MEMBERI AMARAN BAHAWA KERAJAAN TIDAK AKAN TERAGAK-AGAK UNTUK MENGAMBIL TINDAKAN TEGAS KE ATAS MEREKA YANG CUBA MENIMBULKAN HURU-HARA ATAU MENGHALANG KERAJAAN DALAM MENJALAKAN KEWAJIPANNYA UNTUK MENJAMIN KESTABILAN DAN KETENTERAMAN NEGARA DEMI KESEJAHTERAAN SEMUA RAKYAT.

BELIAU MEMBUAT GESAAAN INI DALAM KENYATAANNYA DI DEWAN RAKYAT, YANG DISIARKAN SECARA LANGSUNG OLEH RTM, BERIKUTAN PENANGKAPAN 63 ORANG DI BAWAH AKTA KESELAMATAN DALAM NEGERI (ISA) DALAM OPERASI POLIS SEJAK SEMALAM.

DATUK SERI DR MAHATHIR, YANG JUGA MENTERI DALAM NEGERI, BERKATA KERAJAAN BERTANGGUNGJAWAB TERHADAP KEAMANAN DAN KESTABILAN NEGARA DAN OLEH ITU BERSETUJU DENGAN TINDAKAN YANG DIAMBIL OLEH POLIS. -- BERNAMA.

1804MST 28 10 87

D172

B B530 AAB
PARLIMEN - SERU 2 KUALA LUMPUR (SAMBUNGAN BERITA TERDAHULU) R R
R R

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BEBERAPA PERKARA YANG MENJADI ASAS KEMERDEKAAN DAN PERLEMBAGAAN NEGARA TIDAK BOLEH DISOAL OLEH SESIAPA.

INI IALAH KERANA JIKA ADA MANA-MANA PIHAK MENYOAL HAK SESUATU KAUM, MAKA KAUM ITU AKAN MENYOAL BALIK HAK KAUM YANG MENCABARNYA.

DENGAN DEMIKIAN KEGIATAN SOAL-MENYOAL, CACI-MENCACI DAN CABAR-MENCABAR AKAN MENINGKAT DAN KEADAAN AKAN MENJADI KERUH DAN TEGANG SEFRTA MENGGUGATKAN KESTABILAN NEGARA. -- BERNAMA

2000MST 28 10 87